

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR

TARIKH : 10.08.2017

SOALAN : NO. 88

Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah "citation" yang dicapai oleh universiti awam dari tahun 2013 hingga Jun 2017 dan sejauh manakah usaha Kementerian untuk meningkatkan kualiti dan pengkomersialan penyelidikan di institusi pengajian tinggi Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepanjang tempoh 2013 hingga Jun 2017, sejumlah 100,399 penerbitan ilmiah yang dihasilkan oleh penyelidik daripada universiti awam (UA) telah diindeks di pangkalan data antarabangsa Scopus. Jumlah sitasi yang diterima berdasarkan jumlah penerbitan ilmiah tersebut ialah sebanyak 285,357.

Jumlah peratus penerbitan ilmiah terbitan UA yang berada di *Top 10% Highly Cited of the World* juga turut meningkat setiap tahun dimana sebanyak 9.4 peratus (9,438 artikel) daripada penerbitan yang diterbitkan

pada tahun 2016 berada di kelompok *10% highly cited* dalam pangkalan data Scopus berbanding 7.5 peratus (1,569 artikel) dicatatkan pada tahun 2013. Statistik di atas jelas menunjukkan bukan sahaja kuantiti malah kualiti penerbitan ilmiah yang dihasilkan oleh penyelidik UA turut meningkat.

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) turut melaksanakan pelbagai inisiatif bertujuan untuk meningkatkan kualiti dan pengkomersilan penyelidikan UA antaranya melalui penubuhan pusat yang dikenali sebagai *Technology Transfer Office* yang memainkan peranan penting untuk mengenalpasti hasil penyelidikan berpotensi untuk dikomersialkan.

KPT turut menganjurkan Persidangan dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA) di mana ia membuka peluang kepada universiti tempatan untuk membentuk jaringan bagi membangunkan prototaip dan seterusnya mengkomersialkan hasil ciptaan dan inovasi yang dihasilkan.

Manakala melalui program *Blockbuster Translational Research* pula, KPT akan mengenalpasti satu produk penyelidikan dari setiap UA yang mampu memberi impak atau kesan besar kepada industri, komuniti dan negara.

Selain itu, KPT turut memberi pengiktirafan kepada penyelidik yang menunjukkan prestasi yang tinggi dalam bidang tujahan masing-masing melalui program seperti *Malaysia's Research Star Award* dan Pemberian Taraf Cream.